# CERAPAN RASMI HILAL ZULHIJJAH 1443 H/2022 M

**TG BIDARA**, 29 Jun – Jabatan Mufti Negeri Melaka dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka dan Jawatankuasa Melihat Anak Bulan Negeri Melaka telah mengadakan Cerapan Hilal Bulan Zulhijjah bertempat di Balai Cerap Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara pada jam 6.00 petang tadi.

Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Melaka; Sahibus Samahah Tuan Haji Hazarudin Bin Haji Baharudin telah mengetuai aktiviti mencerap kali ini bersama Timbalan Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka; Sr Tuan Aszaman Bin Misran dan Ahli Jawatankuasa Melihat Anak Bulan Negeri Melaka.

Setelah mendapati hasil cerapan di Kompleks Falak Al-Khawarizmi ,Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Melaka; Sahibus Samahah Tuan Haji Hazarudin Bin Haji Baharudin melaporkan kepada Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja bahawa tiada kenampakan hilal.

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja setelah menerima laporan dari semua negeri-negeri telah mengisytiharkan Tarikh 1 Zulhijjah 1443H telah ditetapkan pada 1 Julai 2022M(Jumaat) dan hari Raya Qurban pada 10 Julai 2022 (Ahad) bersamaan 10 Zulhijjah 1443H.


CELESTRON


TOPCON


CELESTRON